


KE ARAH



BAHASA

MELAYU

YANG BERKESAN

BIL.3 (1 / 2000)

BAHAGIAN PENGEMBANGAN BAHASA SEKTOR AWAM
JABATAN BAHASA
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

KANDUNGAN

Prakata	ii
Bahagian Satu : `bukan' atau 'tidak'	1
Bahagian Dua : `daripada mana?' atau 'dari mana?' dan `dari anaknya' atau 'daripada anaknya''	4
Bahagian Tiga : 'untukmu' atau `bagimu'	7

PRAKATA

Rentetan daripada penerbitan siri risalah ini, sekali lagi kami cuba menyebarkan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan baku. Namun begitu, konsep penerbitan kali ini masih lagi mengutamakan aspek SALAH atau BETUL. Contoh dalam risalah ini dipetik dan diadaptasikan daripada kelaziman penggunaannya di kalangan khalayak pengguna.

Penerbitan kali ini mengutarakan 3 topik seperti yang berikut:

- i. Kesilapan penggunaan kata nafi 'bukan' dan 'tidak'
- ii. Kesilapan penggunaan kata sendi nama 'daripada' dan 'dari', dan
- iii. Kesilapan penggunaan kata sendi nama 'untuk' dan 'bagi'

Harapan kami semoga risalah Ke Arah Bahasa Melayu yang Berkesan Bil. 1/2000 ini mampu memberi penjelasan dan membantu pengguna mengamalkan dan mengutamakan bahasa Melayu yang betul sama ada dalam bentuk tulisan mahupun lisan.

Sekian.
Cintailah Bahasa Kita.

HAJAH ZAITON BINTI AB. RAHMAN

Ketua Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Awam,
Jabatan Bahasa.

‘B U K A N’**ATAU****‘T I D A K’****A**

Kesilapan penggunaan kata nafi `bukan’

SALAH

bukan pandai
bukan tinggi
bukan besar
bukan kecil
bukan rendah
bukan miskin
bukan kaya
bukan hidup
bukan mati
bukan tua
bukan muda
bukan manis
bukan pergi
bukan tinggal
bukan berjaya
bukan berusaha
bukan bertunang

BETUL

tidak pandai
tidak tinggi
tidak besar
tidak kecil
tidak rendah
tidak miskin
tidak kaya
tidak hidup
tidak mati
tidak tua
tidak muda
tidak manis
tidak pergi
tidak tinggal
tidak berjaya
tidak berusaha
tidak bertunang

bukan melanggar
bukan mengantuk
bukan menangkap
bukan membawa

tidak melanggar
tidak mengantuk
tidak menangkap
tidak membawa

- i) Contoh-contoh yang diberikan dalam lajur kedua dianggap betul kerana kata nafi `tidak' digunakan untuk penafian dalam frasa kerja dan frasa adjektif.

B

Kesilapan penggunaan kata nafi `tidak'

SALAH

tidak Kasim
tidak ketua kampung
tidak kakak
tidak emak mertua
tidak pelajar
tidak doktor
tidak mahasiswa
tidak tangan
tidak gas
tidak lembu
tidak kerajaan
tidak di desa
tidak tentang Gus Dur
tidak oleh Tiara
tidak untuk kekasih
tidak ke Ipoh
tidak dari Kuantan
tidak di Subang
tidak tentang masakan
tidak oleh ibu
tidak untuk wanita

BETUL

bukan Kasim
bukan ketua kampung
bukan kakak
bukan emak mertua
bukan pelajar
bukan doktor
bukan mahasiswa
bukan tangan
bukan gas
bukan lembu
bukan kerajaan
bukan di desa
bukan tentang Gus Dur
bukan oleh Tiara
bukan untuk kekasih
bukan ke Ipoh
bukan dari Kuantan
bukan di Subang
bukan tentang masakan
bukan oleh ibu
bukan untuk wanita

- i) Contoh-contoh yang diberikan dalam lajur kedua dianggap betul kerana kata nafi `bukan' digunakan untuk penafian dalam frasa nama dan frasa sendi nama:
- ii) Kata nafi `bukan' hanya boleh digunakan di hadapan frasa kerja dan frasa adjektif apabila digunakan untuk mendukung maksud-pertentangan maklumat:

Contoh:

- a) Dia *bukan* sahaja cantik, malah pintar juga.
- b) Ulasannya *bukan* bertujuan untuk menghina penulis berkenaan; tetapi sekadar memberi pandangan peribadi.
- c) Program latih tubi itu *bukan* bertujuan untuk mendera peserta, tetapi atas dasar penguasaan dan penerapan disiplin dan ilmu yang dipelajari.
- d) Walaupun dia *bukan* pintar sangat; tetapi dia rajin.
- e) Penggunaan dadah dalam dunia perubatan dibenarkan untuk kebaikan *bukannya* untuk disalahgunakan.

BAHAGIAN

DUA

'DARIPADA MANA?'

ATAU

'DARI MANA?'

dan

`dari anaknya'

atau

`daripada anaknya'

A

Kesilapan penggunaan kata sendi nama `daripada'

✘ SALAH

datang *daripada* mana?

daripada hadapan

daripada saat ini

datang *daripada* langit

datang *daripada* utara

daripada sawah turun ke kali

daripada kiri ke kanan

diicuis *daripada* penjuru padang

dibuat *daripada* sudut ekonomi

merantau *daripada* Pahang

datang *daripada* Pejabat Tanah

✔ BETUL

datang *dari* mana?

dari hadapan

dari saat ini

datang *dari* langit

datang *dari* utara

dari sawah turun ke kali

dari kiri ke kanan

dikuis *dari* penjuru padang

dibuat *dari* sudut ekonomi

merantau *dari* Pahang

datang *dari* Pejabat Tanah

daripada bandar ke desa
daripada sebulan ke sebulan
bermula *daripada* bulan Mac
diadakan *daripada* pukul lapan
sejak *daripada* zaman dahulu
sejak *daripada* kurun ke-17
daripada waktu subuh
daripada pukul tiga petang
bermula *daripada* tarikh itu

dari bandar ke desa
dari sebulan ke sebulan
bermula *dari* bulan Mac
diadakan *dari* pukul lapan
sejak *dari* zaman dahulu
sejak *dari* kurun ke-17
dari waktu subuh
dari pukul tiga petang
bermula *dari* tarikh itu

- i) Kata sendi nama '**dari**' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan **arah**, **tempat**, dan **waktu** atau **masa**. Ciri ini membezakannya daripada kata sendi nama 'daripada' yang hanya digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan atau benda, asal kejadian dan sumber, atau unsur perbandingan atau perbezaan.



Kesilapan penggunaan kata sendi nama 'dari'

✘ SALAH

dari anaknya
kata putus *darinya*
dari ketuanya
teladan *dari* kisah yang lalu
hasil *dari* ketekunannya
dari orang itu
naik *dari* RM9.00 kepada RM10.00
dari cempedak baiklah angka
dari teruna baiklah duda
dari dara baiklah janda
lebih baik *dari* orang ini
lebih lembut *dari* kain itu
diperbuat *dari* kapas
ilham *dari* lukisan itu

✔ BETUL

daripada anaknya
kata putus *daripadanya*
daripada ketuanya
teladan *daripada* kisah yang lalu
hasil *daripada* ketekunannya
daripada orang itu
naik *daripada* RM9.00 kepada RM10.00
daripada cempedak baiklah angka
daripada teruna baiklah duda
daripada dara baiklah janda
lebih baik *daripada* orang ini
lebih lembut *daripada* kain itu
diperbuat *daripada* kapas
ilham *daripada* lukisan itu

dari lembu kita mendapat susu
dari lemak lembu
dari madu lebah
dari kakak lebih baik adiknya
berlainan *dari* abangnya
berbeza *dari* buku itu

daripada lembu kita mendapat susu
daripada lemak lembu
daripada madu lebah
daripada kakak lebih baik adiknya
berlainan *daripada* abangnya
berbeza *daripada* buku itu

- i) Kata sendi nama '***daripada***' hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan perkara yang berikut:
- a) Punca bagi manusia, haiwan, benda, dan unsur mujarad
 - b) Sumber atau asal kejadian sesuatu benda
 - c) Perbezaan atau perbandingan
 - d) Menyatakan sesuatu perubahan.
- ii) Kata sendi nama '*daripada*' hanya boleh hadir di hadapan kata kerja atau frasa kerja dan kata adjektif atau frasa adjektif apabila digunakan untuk menyatakan perbezaan atau perbandingan.

Contoh:

- a) Lebih baik menjawab salah *daripada* tidak menjawab langsung.
- b) Aku lebih sanggup menentang sikap Zali *daripada* meninggalkan Norlina seorang di sini.
- c) *Daripada* duduk sahaja di rumah lebih baiklah beramal ibadat, membersihkan kawasan masjid dan lain-lain.
- d) "Apakah yang lebih baik *daripada* bijaksana dan sabar?" Kinto bercakap, dengan kuat seperti ditujukan kepada seseorang.
- e) Lebih baik dia dipukul atau dirotan *daripada* melarang dia bermain drama.
- f) Lebih baik berjuang menuntut kemerdekaan *daripada* berjuang mengangkat senjata.
- g) Aku lebih senang menyimpannya di sudut hati *daripada* bertindak seperti dahulu.

BAHAGIAN

TIGA

`untukmu'

atau

`bagimu'

A

Kesilapan penggunaan kata sendi nama `bagi'

SALAH

Cincin ini *bagimu*.

Tanah kebun yang luas itu *bagi* kami.

Kain sutera ini *bagi* ibu.

Bagi siapakah makanan ini?

Sawah padi itu *bagi* anak-anaknya.

Pemain cakera ini *bagi* Sahariah.

Bagi siapakah televisyen ini?

Dia membeli kasut *bagi* Norida.

Novel ini *bagi* Aini.

Kereta besar itu *bagi* Zariha.

Komputer peribadi ini *bagi* Fairus.

BETUL

Cincin ini *untukmu*.

Tanah kebun yang luas *itu untuk* kami.

Kain sutera ini *untuk* ibu.

Untuk siapakah makanan ini?

Sawah padi itu *untuk* anak-anaknya.

Pemain cakera ini *untuk* Sahariah.

Untuk siapakah televisyen ini?

Dia membeli kasut *untuk* Norida.

Novel ini *untuk* Aini.

Kereta besar itu *untuk* Zariha.

Komputer peribadi ini *untuk* Fairus.

Bagi siapakah pinggan mangkuk ini?

Dia membeli rantai emas bagi Salma.

Jam ini *bagi* Azian.

Rumah banglo dua tingkat itu *bagi* ibu.

Periuk nasi ini *bagi* Kim Lee.

Bagi siapakah hadiah ini?

Dia membeli buah tangan *bagi*

Untuk siapakah pinggan mangkuk ini?

Dia membeli rantai emas *untuk* Salma.

Jam ini *untuk* Azian.

Rumah banglo dua tingkat itu *untuk* ibu.

Periuk nasi ini *untuk* Kim Lee.

Untuk siapakah hadiah ini?

Dia membeli buah tangan *untuk* Jenny.

- i) Kata sendi nama '**untuk**' digunakan untuk menyatakan **maksud bahagian yang ditentukan atau diperuntukkan** dan **tidak boleh ditukargantikan dengan kata sendi nama 'bagi'** seperti contoh atas.
- ii) Kata sendi nama '**untuk**' dan '**bagi**' **boleh saling bertukar ganti penggunaannya sekiranya digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama dengan fungsi menunjukkan kegunaan untuk sesuatu.**

Contoh:

1. a) Dewan makan untuk mahasiswa universiti itu sedang dibina.
b) Dewan makan bagi mahasiswa universiti itu sedang dibina.
2. a) Perancangan aktiviti untuk tahun hadapan *bagi* kelab itu sedang dibincangkan.
b) Perancangan aktiviti *bagi* tahun hadapan untuk kelab itu sedang dibincangkan.
3. a) Taman permainan *untuk* kanak-kanak sedang dibina.
b) Taman permainan *bagi* kanak-kanak sedang dibina.

4.
 - a) Komputer buku itu *untuk* kegunaan pejabat sahaja.
 - b) Komputer buku itu bagi kegunaan pejabat sahaja.

5.
 - a) Derma *untuk* anak-anak yatim sedang dipungut.
 - b) Derma bagi anak-anak yatim sedang dipungut.

**KETUA PENGARAH
HAJI A. AZIZ BIN DERAMAN**

**PENGARAH JABATAN BAHASA
DR. HAJI AWANG BIN SARIYAN**

**KETUA BAHAGIAN PENGEMBANGAN BAHASA SEKTOR AWAM
HAJAH ZAITON BINTI AB. RAHMAN**

**SIDANG PENYUNTING
BAHAGIAN PENGEMBANGAN BAHASA SEKTOR AWAM**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi sidang penyunting di alamat:

Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Awam,
Jabatan Bahasa,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Peti Surat 10803,
50926 Kuala Lumpur.

No. Tel. : 03-2485887, 03-2481960

No. Faks. : 03-2445727

E-mel : zar@dap.gov.my

Laman DBP : www.dbp.gov.my